

Rotavirus ancam nyawa



■ Kanak-kanak berusia kurang lima tahun berisiko tinggi terkena jangkitan

Metro 10/3/13 Ms 28



**DOKTOR
KECEMASAN**

Dr Hanafiah Bashirun
Pegawai Perubatan
Hospital Columbia Asia

Kebelakangan ini berlaku peningkatan kes kanak-kanak yang datang berjumpa doktor disebabkan muntah dan cirit-birit. Selalunya cirit-birit disebabkan jangkitan kuman biasa tidak lama dan tidak seteruk jangkitan disebabkan Rotavirus.

Virus ini adalah penyumbang paling banyak kematian kanak-kanak seluruh dunia yang menghidap cirit-birit. Ia menjangkiti individu lain melalui najis ke mulut.

Contohnya permukaan atau tangan individu yang dicemari najis mengandungi virus itu, seterusnya memegang kanak-kanak lain.

Berbeza dengan jangkitan usus biasa, simptom lain

jangkitan Rotavirus ialah demam selain cirit-birit dan muntah. Jangkitan kuman biasa jarang disertai demam.

Cirit-birit juga berlaku lebih kerap berbanding jangkitan biasa dan berterusan tiga hingga empat hari. Ia dapat dikesan dengan pengambilan sampel najis kanak-kanak yang dijangkiti.

Kekerapan cirit-birit serta demam mengakibatkan berlaku dehidrasi yang teruk disebabkan kehilangan cecair badan yang banyak, selain kurang selera makan.

Dehidrasi inilah yang mengakibatkan kematian kanak-kanak, terutama di bawah umur lima tahun. Rawatan utama jangkitan Rotavirus adalah sama dengan jangkitan usus yang lain, iaitu memberi cecair intravena untuk menggantikan cecair badan yang hilang disebabkan dehidrasi teruk.

Oleh itu, ibu bapa disarankan segera membawa anak ke

klินิก jika mendapati muntah dan cirit-birit mereka semakin teruk.

Rawatan segera penting untuk mengelakkan dehidrasi teruk dan dapat mengurangkan risiko kematian.

Di Malaysia juga sudah ada vaksin yang boleh diberikan kepada kanak-kanak untuk mengelakkan atau mengurangkan simptom jangkitan Rotavirus.

Vaksin ini masih belum diwajibkan dan boleh didapati di klinik serta hospital swasta. Pengambilan dua dos vaksin ini diberikan seawal umur dua bulan sehingga dua tahun.

**BANYAK minum
air elak dehidrasi.**



FAKTA
Simptom jangkitan Rotavirus ialah demam, cirit-birit dan muntah